

PENGAPLIKASIAN PENDEKATAN PENGURUSAN TERHADAP DUA BUAH CERITA BINATANG

(Application of Management Approach on Two Animal Tales)

Mohamad Mokhtar Abu Hassan
mokhtar_ahassan@yahoo.com.my

To cite this article (*Rujukan artikel ini*): Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2021). Pengaplikasian pendekatan pengurusan terhadap dua buah cerita binatang. *Malay Literature*, 34(2), 185–210. [http://doi.org.10.37052/ml34\(2\)no3](http://doi.org.10.37052/ml34(2)no3)

| | | | | | | | |
|-----------------------|-----------|---------------------|------------|----------------------|------------|---|-----------|
| Received: Peroleh: | 1/11/2021 | Revised: Semakan | 15/11/2021 | Accepted: Terima: | 19/11/2021 | Publish online: Terbit dalam talian: | 7/12/2021 |
|-----------------------|-----------|---------------------|------------|----------------------|------------|---|-----------|

Abstrak

Kebanyakan khalayak sering mempersoalkan pentingnya mempelajari kesusasteraan Melayu dalam kehidupan. Dengan anggapan kebanyakan khalayak berasa tidak penting mempelajari kesusasteraan Melayu kerana tidak ada nilai dalam kehidupan, akibatnya kesusasteraan Melayu dipinggirkan. Namun pada hakikatnya, banyak ilmu yang dapat diperoleh apabila mempelajari kesusasteraan Melayu. Antaranya termasuklah ilmu perubatan, perundangan, adat istiadat, kebudayaan, kesenian dan tidak kurang pentingnya ilmu pengurusan. Dalam artikel ini, penulis akan membuktikan bahawa dalam kesusasteraan Melayu terdapatnya elemen pengurusan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam penganalisan karya sastra tersebut. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan pengurusan. Artikel ini menjelaskan pendekatan pengurusan secara komprehensif, iaitu merangkumi definisi dan prinsip pendekatan pengurusan, iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan serta kawalan. Penganalisan karya sastra dengan pendekatan pengurusan diaplikasikan terhadap dua buah cerita binatang, iaitu “Gergasi Berperang dengan Gajah” dan *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)*. Selanjutnya, perbandingan dibuat terhadap kecekapan dan kelemahan kedua-dua organisasi dalam pengurusan untuk kedua-dua cerita binatang ini. Didapati organisasi dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah” lebih tersusun dan teratur jika dibandingkan dengan organisasi dalam cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)*. Kajian

dengan pendekatan pengurusan dalam penganalisan karya sastera bukan sahaja menjadikan kesusasteraan Melayu lebih menarik, bahkan dapat mendidik dan menyedarkan khalayak peri pentingnya pengurusan dalam kehidupan manusia agar tersusun dan efisien.

Kata kunci: Pendekatan pengurusan, perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan, kawalan, matlamat

Abstract

Most audiences often question the importance of studying Malay literature. It is their assumption that it is not important to study Malay literature because it has no value in life. As a result, Malay literature was marginalized. However, in reality, a lot of knowledge can be gained when studying Malay literature. Among them are medical knowledge, law, customs, culture and arts and, no less important, is management knowledge. In this article, the author proves that Malay literature contains the element of management. This study used a qualitative method to analyze the literary works. The approach used in this study is a management approach. This article will comprehensively explain the management approach, which covers the definition and principles of management, namely planning, organizing, leadership, staffing and control. Literary analysis using the management approach is applied to two animal tales, namely "Gergasi Berperang dengan Gajah" and Hikayat Pelanduk Jenaka (Sheikh Alam Fighting with Monsters). Furthermore, a comparison of competencies and weaknesses in organization of management is made for both tales. It was found that the organization in "Gergasi Berperang dengan Gajah" is more organized and orderly when compared to the organization in Hikayat Pelanduk Jenaka (Sheikh Alam Berlawan dengan Raksasa). The study of management approach in literary analysis not only makes Malay literature interesting, but can also educate and make the public aware of the importance of management in building human life in an organized and orderly manner.

Keywords: Management approach, planning, organizing, leadership, staffing, control, goals

PENGENALAN

Pendekatan pengurusan dalam kritikan kesusasteraan secara komprehensif mula diperkenalkan penulis dalam Syarahan Perdana yang bertajuk “Pendekatan Pengurusan dalam Kritikan Kesusasteraan” di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada 4 Ogos 2016. Sehingga kini, sudah ramai para sarjana dan peneliti sastera yang berminat untuk mengaplikasikan pendekatan ini dalam menganalisis karya sastera. Antaranya termasuklah Azhar Wahid, Awang Azman Awang Pawi, A. Halim Ali, Mohd Rosli Saludin, Zuber Ismail, Sara Beden, Saravanan P. Veeramuthu, Ahmad Hakim Mohamad, Fathin Noor Ain Ramli, Norsaliza Mohd Shuhaini dan Rafhana Naiema Kairol Azaha. Pendekatan pengurusan dalam analisis karya sastera adalah berasaskan ilmu pengurusan.

Terdapat pelbagai definisi pengurusan yang dikemukakan. Koontz dan Weihrich dalam buku bertajuk *Pengurusan* (1997:4) mengemukakan pendapat bahawa “pengurusan sebagai proses merancang dan memelihara persekitaran apabila individu, bekerja bersama-sama dalam kumpulan, mencapai matlamat terpilih dengan berkesan.” Juhary dan Ishak dalam buku bertajuk *Prinsip dan Amalan Pengurusan* (2004:8) mendefinisikan pengurusan sebagai “satu proses yang melibatkan perancangan, penyusunan, pengarahan dan juga kawalan”. Menson *et al.* (1985) pula dalam buku mereka bertajuk *Management: Individual and Organisational Effectiveness* berpendapat “pengurusan ialah suatu proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal kerja-kerja yang dilakukan oleh ahli dalam sebuah organisasi dan penggunaan sumber dalam organisasi berkenaan bagi mencapai objektif dan sasaran yang telah ditetapkan untuk organisasi tersebut” (Ahmad, 2002:3). Jaafar dalam bukunya yang bertajuk *Asas Pengurusan* (1999:1) mendefinisikan pengurusan sebagai “satu proses mengagihkan input-input organisasi (termasuk sumber ekonomi dan sumber kakitangan) dengan cara perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan untuk tujuan mengeluarkan output (segala barangan dan perkhidmatan) yang diperlukan oleh pelanggan supaya objektif organisasi tercapai. Dalam proses ini, segala kerja dijalankan oleh/dan melalui staf organisasi dalam perniagaan yang sering berubah dan dinamik”. Fayol dalam bukunya *General and Industrial Management* mendefinisikan pengurusan sebagai perancangan, pengorganisasian, pengarahan, penyelarasan dan kawalan (Jaafar, 1999:8). Selanjutnya Rahim dalam bukunya bertajuk *Asas Pengurusan* (1998:6) mendefinisikan pengurusan sebagai “aktiviti yang melibatkan usaha merancang, mengorganisasi, memimpin, dan mengawal serta penglibatan

ahli yang menganggotai organisasi untuk sama-sama berusaha ke arah mencapai matlamat yang satu.” Koontz dan Weihrich (1997:4) menamakan lima fungsi pengurusan, iaitu perancangan, pengorganisasian, pengstafan, pemimpinan dan pengawalan.

Selanjutnya, kata kunci yang perlu diketahui dalam pengurusan ialah proses untuk mencapai objektif, matlamat atau sasaran sesebuah organisasi. Proses diertikan sebagai satu cara yang sistematik dalam pelaksanaan sesuatu kerja atau sekumpulan tugas. Semua ahli dalam kumpulan atau sesebuah organisasi berusaha bersama-sama untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi tersebut. Sebagai contoh, dalam sebuah pasukan bola sepak, matlamatnya hendak menang. Maka, pasukan itu hendaklah bekerjasama memastikan pasukannya menang dalam pertandingan perlawanan bola sepak. Oleh itu, pengurus pasukan itu hendaklah mengurus pasukannya sebaik mungkin agar matlamat pasukan itu tercapai. Jika pasukan itu kalah, bermakna kegagalan dalam pengurusannya.

Begitu juga dalam sebuah rumah tangga, ketuanya sama ada ayah atau ibu hendaklah mengurus rumah tangganya sebaik-baik mungkin agar matlamat rumah tangga, iaitu kebahagiaan tercapai. Jika rumah tangganya gagal, bermakna ayah atau ibunya sebagai ketua keluarga telah gagal menguruskan rumah tangga dengan sempurna. Hal ini dapat diteliti dalam drama “Lawyer Dahlan” karya Shaharom Hussain (*Mutiara Sastera Melayu Moden*, 2003:171 – 263). Perkahwinan yang dibina antara Lawyer Dahlan dengan Rahimah atas dasar cinta pandang pertama. Sungguhpun perkahwinan mereka ditentang oleh Pak Hamid, bapa saudara Dahlan, namun oleh sebab cinta Dahlan terhadap Rahimah begitu mendalam, maka perkahwinan itu diteruskan. Malangnya, sekembalinya Dahlan daripada pengajian undang-undangnya di London, Lawyer Dahlan telah mengabaikan tanggungjawabnya terhadap keluarga. Perkahwinan yang dibina atas dasar cinta itu, berakhir dengan penceraian. Penceraian yang berlaku dalam perkahwinan Lawyer Dahlan bermakna kegagalan Lawyer Dahlan menguruskan rumah tangganya. Encik Muhammad dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (2003) pula dalam karya Keris Mas, berjaya menguruskan syarikat Firma Serba Dagang, anak syarikat Tan Enterprise. Oleh sebab kecekapan pengurusannya menyebabkan syarikat itu berkembang maju. Seterusnya Sultan Alau’ d-Din Ri’ayat Syah dalam *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* berjaya mengurus kota Melaka kerana pada zaman pemerintahannya, Melaka kekal stabil dan membangun. Oleh itu, pengurusan yang cekap (efektif dan efisien) penting dalam sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat organisasi tersebut. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan mengupas pendekatan pengurusan

dalam dua buah cerita binatang, iaitu “Gergasi Berperang dengan Gajah” dan *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syekh Alam Berlawan dengan Raksasa)*.

KAJIAN LEPAS

Kajian lepas yang memanfaatkan Pendekatan Pengurusan termasuklah Mohamad Zuber yang berjaya menghasilkan tesis PhDnya yang bertajuk “Cerita Lipur Lara Terpilih Berdasarkan Pendekatan Pengurusan” (Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2017) dengan mengaplikasikan pendekatan pengurusan. Dalam kajiannya, beliau mengaplikasikan pendekatan pengurusan terhadap cerita lipur lara Melayu, iaitu *Hikayat Anggun Cik Tunggal*, *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*, *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Malim Dewa* dan *Hikayat Raja Muda*. Hasil kajiannya membuktikan bahawa cerita lipur lara Melayu menunjukkan kecenderungan yang tinggi untuk menyerlahkan prinsip-prinsip pendekatan pengurusan, iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan.

Sara dalam artikelnya bertajuk “Perancangan Bestari dalam Hikayat Khoja Maimun: Aplikasi Prinsip Perancangan dalam Pendekatan Pengurusan” (2018:69- 97) hanya mengaplikasikan prinsip perancangan, salah satu prinsip dalam pendekatan pengurusan terhadap “Hikayat Khoja Maimun”. Analisisnya berlandaskan empat peristiwa yang telah diklasifikasikan dalam “Hikayat Khoja Maimun”. Dapatan analisis menunjukkan pembentukan strategi penyelesaian masalah yang bervariasi oleh watak Bayan untuk mengatasi masalah atau isu moral berhubung dengan pelanggaran moral dan etika oleh watak Bibi Zainab. Berdasarkan analisis, strategi yang digunakan ialah pujian dan sokongan, teknik analogi peribadi, bercerita atau berhikayat, pertanyaan, membuat kritikan dan sokongan, menarik perhatian dan memberikan nasihat. Pembentukan strategi penyelesaian masalah yang bervariasi ini memperlihatkan bahawa perancangan bestari dan sistematik amat signifikan, dan dapat mengunngkapkan kebijaksanaan.

Dalam makalah Mohamad Mokhtar, Mohamad Zuber dan Sara yang bertajuk “Hikayat Awang Sulung Merah Muda dari Perspektif Pendekatan Pengurusan” (2015:95-116) mengaplikasikan prinsip kepimpinan, iaitu salah satu prinsip pendekatan pengurusan terhadap *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Hasil analisis memperlihatkan prinsip kepimpinan dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* amat dominan dan signifikan untuk menggambarkan pengurusan kepimpinan. Pengurusan kepimpinan ini menyerlah daripada dasar dan mekanisme pentadbiran yang berwawasan

dan berpandangan jauh, berjiwa rakyat, kebijaksanaan dan kesantunan berkomunikasi serta bersemangat waja.

Dalam artikel Saravanan P. Veeramuthu bertajuk “Kepimpinan dalam Novel *Perang Sangkil*: Satu Bacaan Pendekatan Pengurusan” (2019:169-182) juga mengaplikasikan prinsip kepimpinan daripada pendekatan pengurusan terhadap novel *Perang Sangkil* (2007) karya Akiya. Novel yang mengetengahkan suara masyarakat orang asli dari pedalaman. Tumpuan kajiannya terhadap prinsip kepimpinan, yakni dimensi pentadbiran. Penelitiannya tertumpu pada tiga peristiwa terpilih yang memperlihatkan ciri-ciri pemimpin berkarisma dalam novel tersebut. Dapatan membuktikan Dirik, iaitu watak utama dalam novel, menggunakan pengurusan sebagai wahana dan mekanisme yang bijak dan berpandangan jauh. Selain itu, melalui pendekatan pengurusan memperlihatkan perspektif kemampuan dan keupayaan Dirik sebagai seseorang pemimpin yang berjaya mempengaruhi, menerajui atau mengendalikan masyarakatnya. Kepemimpinan yang matang dalam diri Dirik membantu masyarakatnya untuk mengharungi cabaran serangan yang telah menghancurkan masa depan orang asli pada era 1890-an.

Malangnya, sehingga kini belum ada kajian yang mengaplikasikan pendekatan pengurusan terhadap cerita binatang. Artikel ini merupakan kajian penulis yang mengaplikasikan pendekatan pengurusan terhadap dua buah cerita binatang, iaitu “Gergasi Berperang dengan Gajah” dan *Hikayat Pelanduk Jenaka* (*Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa*). Pendekatan pengurusan dalam menganalisis karya sastera, berasaskan ilmu pengurusan.


PRINSIP-PRINSIP DALAM PENDEKATAN PENGURUSAN

Terdapat lima prinsip dalam pendekatan pengurusan, iaitu:

- (1) Perancangan
- (2) Pengorganisasian
- (3) Kepimpinan
- (4) Penstafan (Tenaga Kerja)
- (5) Kawalan

Perancangan

Menurut Dessler, perancangan ialah kaedah yang terperinci yang diatur terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu atau melaksanakan sesuatu tindakan. Sikula pula menyatakan perancangan mengandungi aktiviti fizikal dan mental yang dibuat sebelum berlakunya sesuatu. Selanjutnya, Koontz menyatakan perancangan sebagai penentuan tentang apa yang hendak dibuat, bagaimana melaksanakannya dan siapa yang akan menjadi pelaksana? (Jaafar, 1999:39-40). Rahim pula berpendapat bahawa “perancangan ialah usaha pengurusan untuk mengenal pasti matlamat dan menentukan tindakan yang bakal diambil. Matlamat ini perlu disokong oleh sumber-sumber yang ada” (1998:23). Hal ini bermakna bahawa perancangan merupakan aktiviti asas yang berbentuk fizikal dan mental yang mesti dilakukan terlebih dahulu bagi menjayakan sesuatu matlamat itu.




Rajah 1 Enam langkah dalam perancangan.

Pelbagai langkah atau peringkat dalam perancangan yang dikemukakan. Jaafar (1999:42) mengemukakan empat peringkat, iaitu menentukan objektif; membentuk dasar dan strategi untuk melaksanakan objektif; menyediakan perancangan jangka pertengahan dan jangka pendek untuk melaksanakan dasar; dan penyata terperinci berhubung dengan tatacara pelaksanaan tiap-tiap perancangan. Rahim (1998:25) juga mengemukakan empat langkah, iaitu mengadakan matlamat, menilai keperluan sumber-sumber, membuat ramalan dan menggariskan rancangan. Koontz dan Weihrich (1997:70-73) mengemukakan lapan langkah, iaitu menyedari akan peluang, menetapkan objektif, membentuk premis, menentukan cara alternatif, menilai langkah-langkah alternatif, memilih satu cara, merumuskan rancangan terbitan dan menjangkakan rancangan dengan perbelanjaan. Mohamad Mokhtar (2016: 8) mengemukakan 6 langkah seperti Rajah 1.

Daripada peringkat atau langkah-langkah perancangan yang dikemukakan di atas, didapati pada umumnya dua langkah utama yang perlu ada dalam perancangan, iaitu menetapkan matlamat dan merangka strategi.

Pengorganisasian

Organisasi didefinisikan sebagai gabungan dua orang atau lebih yang bekerja bersama-sama secara berkoordinasi bagi mencapai sesuatu objektif



Rajah 2 Struktur organisasi Jawatankuasa Pertandingan berbalas pantun.

atau matlamat. Pengorganisasian pula sebagai penyusunan sumber-sumber organisasi tersebut dalam bentuk kesatuan dengan cara yang berkesan agar matlamat dan objektif yang dirancang dapat dicapai. Pengorganisasian menentukan cara matlamat tersebut akan dicapai dan menetapkan peranan dan tugas yang mesti dijalankan oleh tiap-tiap pekerja dan staf organisasi serta hubungannya antara satu dengan lain (Jaafar, 1999:62). Pengorganisasian dalam sebuah organisasi, contohnya pengorganisasian sebuah jawatankuasa pertandingan berbalas pantun di sekolah. Struktur organisasi yang mengandungi seorang penasihat, seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi, seorang setiausaha, seorang bendahari dan beberapa orang jawatankuasa. Struktur organisasi yang mengandungi seorang penasihat, seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi, seorang setiausaha, seorang bendahari dan beberapa orang jawatankuasa. Struktur organisasi sesebuah jawatankuasa dapat dirajahkan seperti Rajah 2.

Kepimpinan

Kepimpinan dapat didefinisikan sebagai seni atau proses mengetuai dan mempengaruhi kegiatan manusia yang berkaitan dengan tugas mereka, supaya mereka rela bergiat dan berusaha ke arah pencapaian matlamat organisasi. Sebaik-baiknya, manusia patut digalakkan untuk menanamkan keazaman dan keyakinan untuk bekerja. Para pemimpin meletakkan diri di hadapan kumpulan itu sambil memajukan dan mengilhamkan ahli-ahli kumpulan itu untuk mencapai matlamat organisasi. Misalnya, seorang pemimpin sebuah pancaragam yang bertugas untuk menghasilkan bunyi-bunyian yang diselaraskan dan irama lagu yang betul, melalui usaha-usaha bersatu ahli-ahli muzik dalam orkestranya itu (Jaafar, 1999:197).

Dalam masyarakat Melayu, seseorang pemimpin dituntut dan wajib memiliki keperibadian terpuji, memenuhi syarat yang sudah ditetapkan sebagai acuan dasar, sesuai menurut ketentuan yang berlaku, baik formal mahupun tidak. Antara sikap terpuji pemimpin yang dapat dipetik dalam ungkapan Melayu (Tenas Effendy, 2000: ix) termasuklah berbudi baik, amanah, taat setia, memberikan hasil kerja yang baik, kepimpinan yang baik dan bermaruah. Apabila dijadikan pemimpin, masyarakatnya mendapat tuah dan faedah, serta diberkati.

Kejayaan seseorang pemimpin juga bergantung pada kejayaan pekerjanya atau ahli-ahlinya. Oleh itu, pemimpin harus mampu mempengaruhi pekerjanya atau ahli-ahlinya supaya bergerak melaksanakan tugas atau peranan masing-masing. Rahim (1998:88 -91) menyenaraikan sebelas ciri pemimpin yang

baik. Pertama memujuk, iaitu berhati-hati dalam memberi arahan daripada disalahtafsirkan secara negatif oleh pekerja. Kedua, dipercayai, iaitu kebolehpercayaan dan menunjukkan keterampilan dalam melaksanakan kerja. Kepercayaan ini boleh menambahkan kerjasama yang tidak berbelah bahagi. Ketiga, mendorong dengan cara memberikan kata-kata semangat, memberikan ganjaran yang setimpal kepada pekerja, dan menghantar surat penghargaan. Keempat, yakin untuk melakukan sesuatu kerja. Kelima, kemahiran yang diperoleh melalui pengalaman yang lepas. Keenam, teknologi, iaitu memiliki teknologi yang boleh membantu mempercepat kerja, dan memberi keberkesanan terhadap kerja. Ketujuh, berpengetahuan, dan daripada pengetahuan himpunan ilmu dipindahkan kepada pekerja-pekerja. Kelapan, bertanggapan, iaitu terkehadapan dalam melihat sesuatu yang bakal ditempuhi. Pemimpin yang bijak dapat mengagak secara tepat sesuatu kejadian yang berlaku. Kesembilan, memiliki daya ingatan yang kuat. Kesepuluh, daya imaginasi yang berkait rapat dengan kreativiti seseorang pemimpin. Keupayaan sebegini dapat membantu pemimpin untuk melihat masa hadapan dengan lebih tepat. Organisasi mempunyai wawasan dan memahami jangkaan serta aspirasi yang diinginkan. Kesebelas, tekun, iaitu berusaha untuk mendapatkan sesuatu sungguhpun terpaksa berhempas pulas melakukannya.

Penstafan (Tenaga Kerja)

Penstafan (tenaga kerja) dapat didefinisikan sebagai mengisi, dan memelihara agar terisi, jawatan dalam struktur organisasi dengan mengenal pasti keperluan tenaga kerja, menginventorikan orang-orang yang boleh didapati, mengambil, memilih, menempatkan, menaikkan pangkat, menilai, merancang kerjaya, memberikan pampasan, dan melatih atau kalau tidak pun memajukan baik calon mahupun pemegang kerja sekarang untuk menyempurnakan tugas mereka dengan cekap dan berkesan (Koontz & Weihrich, 1997:302).

Pemilihan dan pelantikan staf adalah berdasarkan kebolehan, keahlian dan pengalaman. Tujuan utama pemilihan staf adalah untuk mencari pekerja yang betul untuk menjalankan sesuatu tugas (Zafir & Fazilah, 2007:157). Sebagai contoh, dalam sektor perkilangan barangan elektronik kebanyakan pekerjanya terdiri daripada golongan wanita. Hal ini kerana tugasnya yang rumit memerlukan ketelitian yang sesuai dilakukan oleh kaum wanita. Bagi tugas yang melibatkan kawalan keselamatan pula seperti askar, pegawai polis, pegawai penjara dan pegawai bomba, tenaga kerja kaum lelaki lebih menjadi keutamaan.

Kawalan

Menurut Koontz dan Weihrich, kawalan bermaksud pengukuran dan pembetulan prestasi dalam usaha untuk memastikan bahawa objektif dan rancangan perusahaan yang dirangka ke arah pencapaiannya disempurnakan (1997:498). Jaafar mendefinisikan kawalan sebagai proses untuk menentukan atau menjamin supaya kegiatan organisasi terarah kepada pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Maknanya, kita mengandaikan dan menyasarkan bahawa matlamat dan perancangan organisasi adalah tetap dan tepat. Segala kegiatan hanyalah bertujuan untuk mencapai matlamat. Jika didapati tanda yang menunjukkan bahawa matlamat tidak mungkin dicapai, maka tindakan pembetulan atau pemulihan perlu dilakukan (1999:214). Dengan kata lain, kawalan merupakan proses yang perlu dilakukan bagi memastikan segala yang dirancang mencapai matlamat organisasi.

Sebagai contoh dalam novel Bukit Kepong karya Ismail Johari, dari segi kawalan untuk memastikan pasukan polis Bukit Kepong dalam keadaan siap sedia untuk menentang musuh jika diserang, OCPD Pagoh, Inspektor J.J.Raj Jr. telah mengadakan lawatan ke Balai Polis Bukit Kepong untuk memeriksa sistem pertahanan polis di tahap yang tinggi. Beliau meneliti kubu-kubu pertahanan dan rak senjata yang terdapat di balai itu.

GERGASI BERPERANG DENGAN GAJAH

Cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah” dipetik daripada buku selenggaraan Othman Puteh dan Ariffin Said bertajuk *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur pada tahun 2007. Buku ini mengisahkan pelbagai jenis binatang di hutan, iaitu gajah, harimau, beruang, kancil, pelanduk, kijang, rusa dan berjenis-jenis burung yang hidup dalam bermuafakat telah menerima berita bahawa Raja Gergasi dan sekalian gergasi akan datang menyerang mereka. Lalu semua binatang dan burung itu bermesyuarat untuk melawan serangan gergasi itu. Semua binatang itu bermuafakat dan bersepakat melantik Gajah Betina menjadi ketua. Gajah betina kemudiannya memerintahkan semua binatang bekerjasama untuk membunuh gergasi-gergasi itu. Ada binatang yang disuruh menggali parit yang dalam. Ada binatang yang disuruh mengumpulkan batu-batu yang besar. Ada binatang yang disuruh mengumpulkan lumut yang hijau. Ada binatang yang disuruh menanam pokok sungkai dan kemunting. Apabila tiba harinya, Raja Gergasi dan beberapa gergasi berjalan dan sampai ke lubang yang ditimbunkan dengan lumut hijau dan terjerumuslah Raja Gergasi dan beberapa gergasi ke dalam lubang besar itu. Kemudian binatang di hutan itu

menggolekkan batu-batu yang besar ke dalam lubang itu. Akhirnya banyak gergasi yang mati. Mana-mana gergasi yang masih hidup melarikan diri. Apabila puak gergasi itu telah kalah, maka hiduplah binatang-binatang itu dengan aman dan damai.

Dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah” itu, semua binatang di hutan itu menepati definisi sebuah organisasi kerana menurut Jaafar dalam bukunya *Asas Pengurusan* (1999:62), organisasi bermaksud gabungan dua orang atau lebih yang bekerja bersama-sama secara berkoordinasi bagi mencapai sesuatu hasil atau objektif. Watak-watak binatang dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah” ini sebagai pelambangan kepada watak-watak manusia. Semua binatang dan burung dalam hutan itu telah bekerja bersama-sama untuk mengalahkan Raja Gergasi dan gergasi-gergasi yang lain. Semua binatang dan burung itu berjaya mencapai matlamat mereka.

Prinsip perancangan

Merujuk kembali definisi perancangan yang dikemukakan oleh Dessler (2005), “perancangan sebagai kaedah-kaedah yang terperinci yang diatur terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu atau melaksanakan sesuatu tindakan.” Definisi perancangan yang dikemukakan oleh Sikula (1977) pula menyatakan “perancangan mengandungi aktiviti fizikal dan mental yang dibuat sebelum berlakunya sesuatu.” Harold Koontz pula menyatakan “perancangan sebagai penentuan tentang apa yang hendak dibuat, bagaimana melaksanakannya dan siapa yang akan menjadi pelaksana” (Jaafar, 1999:39). Hal ini bermakna bahawa perancangan merupakan aktiviti asas yang berbentuk fizikal dan mental yang mesti dilakukan terlebih dahulu untuk menjayakan sesuatu matlamat itu. Sekurang-kurangnya dua langkah utama yang perlu ada dalam perancangan ialah menentukan matlamat dan merangka strategi.


Dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah” ini terdapatnya perancangan. Langkah perancangan yang pertama ialah menentukan



Rajah 3 Perancangan Gajah Betina.

matlamatnya, iaitu membunuh Raja Gergasi dan gergasi-gergasi yang dikatakan akan menyerang semua binatang di hutan. Untuk menjayakan perancangan itu, semua binatang termasuk burung bermesyuarat. Dalam mesyuarat itu semua binatang dan burung bersetuju melantik seekor gajah betina menjadi ketua untuk membunuh Raja Gergasi dan gergasi-gergasi yang lain. Gajah betina memerintah semua binatang dan burung bekerjasama untuk membunuh Raja Gergasi dan gergasi-gergasi itu. Langkah berikutnya ialah merangka strategi. Untuk memerangkap Raja Gergasi dan gergasi yang lain, Gajah Betina telah membahagi-bahagikan tugas: “Ada yang disuruh menggali parit yang dalam. Ada yang disuruh mengumpulkan batu-batu yang besar. Ada yang disuruh mengumpulkan lumut yang hijau. Sesetengahnya pula disuruh menanam pokok sungkai dan kemunting.” (Othman dan Ariffin, 2007:229). Cara memerangkap Raja Gergasi dan gergasi-gergasi yang lain, dengan parit yang dalam yang digali akan ditutup dengan lumut supaya parit itu tidak kelihatan oleh Raja Gergasi dan beberapa gergasi yang lain. Semua binatang akan menyembunyikan diri di belakang pokok sungkai dan kemunting. Sebaik sahaja Raja Gergasi dan beberapa gergasi masuk ke dalam parit yang dalam itu, semua bintang akan menutup parit itu dengan batu-batu besar. Perancangan itu dapat dilaksanakan apabila Raja Gergasi dan beberapa gergasi “berjalan dan masuk ke dalam parit, parit itu kemudian ditimbunkan dengan lumut hijau. Maka sukarlah gergasi berjalan ke sana ke mari. Apabila gergasi sampai ke lembah, binatang-binatang di hutan menggolekkan batu-batu yang besar itu. Akhirnya banyaklah gergasi yang bodoh itu mati. Mana-mana yang masih hidup melarikan diri” (Othman dan Ariffin, 2007:229). Itulah strategi yang

**CARTA ORGANISASI
BINATANG MELAWAN GERGASI**



Rajah 4 Struktur Pengorganisasian.

difikirkan oleh Gajah Betina dan binatang-binatang lain untuk membunuh Raja Gergasi dan beberapa gergasi. Perancangan Gajah Betina dan binatang-binatang lain untuk membunuh Raja Gergasi dan beberapa gergasi dapat ditunjukkan seperti Rajah 4.

Ternyata bahawa matlamat organisasi itu tercapai apabila berjaya membunuh Raja Gergasi dan beberapa gergasi yang lain. Kejayaan organisasi itu mencapai matlamatnya kerana adanya perancangan yang rapi dengan strategi yang tersusun teratur. Kejayaan organisasi itu mencapai matlamatnya apabila adanya kerjasama daripada semua ahli, iaitu semua binatang dan burung di hutan itu.

Prinsip Pengorganisasian

Kejayaan organisasi ini mencapai matlamatnya juga disebabkan adanya pengorganisasian. Merujuk definisi pengorganisasian, iaitu penyusunan sumber organisasi tersebut dalam bentuk kesatuan dengan cara yang berkesan agar matlamat dan objektif yang dirancang dapat dicapai. Pengorganisasian menentukan cara untuk mencapai matlamat tersebut dan menetapkan peranan dan tugas yang mesti dijalankan oleh setiap pekerja dan staf organisasi serta hubungannya antara satu dengan lain (Jaafar, 1999:62).

Dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah”, Gajah Betina selaku ketua telah membahagi-bahagikan tugas kepada binatang-binatang dan burung yang di hutan itu: “Ada yang disuruh menggali parit yang dalam. Ada yang disuruh mengumpulkan batu-batu yang besar. Ada yang disuruh mengumpulkan lumut yang hijau. Setengahnya pula disuruh menanam pokok sungkai dan kemunting.” (Othman & Ariffin, 2007:229).

Gajah Betina selaku ketua telah bertindak bijak dengan membahagi-bahagi tugas berdasarkan kebolehan dan keupayaan binatang-binatang untuk meletakkan bidang tugas yang perlu dilakukan mereka bagi memerangkap Raja gergasi dan gergasi-gergasi yang lain. Bagi tujuan tersebut, maka parit perlu digali. Maka ada binatang yang dipertanggungjawabkan bagi menjalankan tugas ini. Kemudiannya, parit itu perlu ditutup dengan lumut. Justeru itu ada binatang yang dipertanggungjawabkan bagi mengumpulkan lumut. Apabila Raja Gergasi dan beberapa gergasi memasuki parit, maka ditutup parit itu dengan batu-batu besar. Oleh itu, ada binatang yang dipertanggungjawabkan mengambil batu-batu besar. Sebelum Raja Gergasi dan gergasi-gergasi itu datang ke tempat perangkap itu, maka semua binatang itu perlu menyembunyikan diri di sebalik pokok sungkai dan kemunting. Maka ada binatang yang dipertanggungjawabkan menanam pokok sungkai dan pokok kemunting.

Jelas bahawa penyusunan organisasi tersebut dalam bentuk kesatuan, masing-masing binatang dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Dengan penyusunan yang teratur dan dengan cara yang berkesan maka matlamat organisasi tercapai.

Prinsip Kepimpinan

Kejayaan organisasi ini mencapai matlamatnya juga disebabkan kepimpinan. Berbalik pada definisi kepimpinan yang dikemukakan oleh Jaafar Muhamad (1999:197), iaitu kepimpinan sebagai seni atau proses mengetuai dan mempengaruhi kegiatan manusia yang berkaitan dengan tugas mereka, supaya mereka rela bergiat dan berusaha ke arah mencapai matlamat organisasi. Dalam cerita tersebut, Gajah Betina merupakan pemimpin yang berkesan kerana bukan sahaja berjaya mengetuai sebuah organisasi bahkan juga berjaya mempengaruhi ahli-ahlinya agar rela bekerjasama untuk mencapai matlamat organisasi, iaitu membunuh Raja Gergasi dan gergasi-gergasi yang lain.

Ciri-ciri kepimpinan yang ada pada Gajah Betina, pertama, dipercayai. Menurut Rahim Abdullah “dipercayai” bermaksud kebolehpercayaan dan menunjukkan keterampilan untuk melaksanakan kerja. Kepercayaan ini boleh menambahkan kerjasama yang tidak berbelah bagi (Rahim Abdullah, 1998: 89). Gajah Betina dipercayai apabila semua binatang dan burung dalam satu mesyuarat bersetuju melantik Gajah Betina sebagai ketua mereka. Semua binatang itu berpendapat bahawa Gajah Betina mempunyai kebolehpercayaan untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai ketua bagi membunuh Raja gergasi dan gergasi-gergasi yang lain. Dengan kebolehpercayaan itu menyebabkan semua binatang itu bekerjasama dengan Gajah Betina untuk membunuh Raja gergasi dan gergasi-gergasi yang lain. Kebolehpercayaan ini juga ada hubungannya apabila Gajah Betina bersedia mendengar masalah yang dihadapi oleh binatang-binatang dan burung di hutan itu bahawa Raja Gergasi dan sekalian gergasi akan datang menyerang binatang-binatang di hutan.

Ciri pemimpin kedua yang ada pada Gajah Betina ialah yakin untuk melakukan sesuatu kerja. Menurut Rahim (1998:89) perkara itu penting kerana setiap sesuatu kerja yang bakal dilakukan mestilah diyakini pemimpin barulah perkara itu dapat meyakinkan para pekerja. Gajah Betina itu yakin dengan strateginya untuk memerangkap Raja Gergasi dan gergasi-gergasi yang lain. Apabila Gajah Betina mengarahkan binatang-binatang menggali parit, mencari lumut, mencari batu-batu besar dan menanam pokok sungkai dan kemunting, didapati tidak ada bantahan dalam kalangan binatang-binatang itu. Mereka akur dengan keyakinan yang ditunjukkan oleh Gajah Betina itu.

Ciri pemimpin ketiga yang ada pada Gajah Betina ialah berpengetahuan. Menurut Rahim Abdullah (1998:90), berpengetahuan bermaksud daripada pengetahuanlah himpunan ilmu akan terikat untuk dipindahkan kepada pekerja-pekerja. Daripada tugas-tugas yang diberikan oleh Gajah Betina kepada binatang-binatang itu menunjukkan Gajah Betina berpengetahuan. Gajah Betina tahu cara untuk memerangkap Raja gergasi dan gergasi-gergasi yang lain.

Ciri pemimpin keempat yang ada pada Gajah Betina ialah bertanggung. Menurut Rahim (1998:90) bertanggung, iaitu terkehadapan dalam melihat sesuatu yang bakal ditempuhi. Pemimpin yang bijak akan dapat mengagak secara tepat sesuatu kejadian yang akan berlaku. Gajah Betina mempunyai tanggapan terkehadapan terhadap strategi yang dibentuk sehinggakan strategi untuk memerangkap dan membunuh Raja gergasi dan gergasi-gergasi yang lain dapat dilakukan tanpa sebarang masalah.

Keenam, ciri pemimpin baik yang ada pada Gajah Betina ialah imaginasi. Menurut Rahim (1998:91) daya imaginasi yang berkait rapat dengan kreativiti seseorang pemimpin. Keupayaan sebegini dapat membantu pemimpin untuk melihat masa hadapan dengan lebih tepat. Organisasi mempunyai wawasan dan memahami jangkaan serta aspirasi yang dingini. Dalam hal ini kreativiti Gajah Betina dapat dikaitkan dengan caranya menyusun strategi. Gajah Betina menyuruh binatang menggali parit yang dalam dan kemudiannya mengarahkan mereka menimbunkannya dengan lumut hijau agar parit dalam yang digali tidak kelihatan oleh Raja gergasi dan gergasi-gergasi yang lain. Apabila Raja gergasi dan gergasi-gergasi lain itu masuk ke dalam parit yang dalam, kemudian parit itu ditutup dengan batu-batu besar. Sebelum kedatangan Raja Gergasi dan gergasi-gergasi yang lain ke tempat perangkap, binatang-binatang itu perlu menyembunyikan diri di sebalik pokok sungkai dan pokok kemunting yang ditanam. Dengan strategi yang rapi dan teratur, akhirnya Raja gergasi dan gergasi-gergasi yang lain dapat dibunuh.

Prinsip Penstafan

Penstafan (tenaga kerja) merupakan satu lagi prinsip dalam pendekatan pengurusan secara umumnya bermaksud mengambil, memilih dan menempatkan seseorang dalam sesuatu tugas agar tugas yang diamanahkan dapat disempurnakan dengan cekap dan berkesan. Dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah”, Gajah Betina selaku ketua telah membahagi-bahagikan tugas kepada binatang-binatang dan burung yang di hutan itu berdasarkan kekuatan dan kebolehan yang ada pada setiap binatang tersebut.

Sungguhpun tidak dinyatakan dengan jelas dalam cerita tersebut, tugas-tugas yang diamanahkan kepada setiap binatang, namun sudah pasti tugas menggali parit diamanahkan kepada beruang yang berkebolehan menggali lubang. Tugas mengumpul batu-batu besar sudah pasti diamanahkan kepada gajah yang kuat mengangkat batu-batu besar. Tugas mengumpulkan lumut sudah pasti diamanahkan kepada pelanduk dan kancil. Tugas menanam pokok sungkai dan kemunting ditugaskan kepada kijang dan rusa. Jelas bahawa penstafan (tenaga kerja) ditugaskan kepada binatang-binatang berdasarkan kekuatan dan kebolehan masing-masing binatang itu. Jelaslah bahawa dalam organisasi ini adanya pengkhususan kerja antara binatang-binatang itu. Dalam pada itu, pembahagian tugas juga berdasarkan kebolehan dan kekuatan masing-masing binatang. Tindakan yang dilakukan oleh Gajah Betina itu menepati definisi penstafan (Tenaga Kerja) yang dikemukakan oleh Harold Koontz dan Heinz Wehrich (1997:302), iaitu “mengisi, dan memelihara agar terisi, jawatan dalam struktur organisasi dengan mengenal pasti keperluan tenaga kerja”.

Prinsip Kawalan

Sungguhpun, prinsip kawalan tidak dinyatakan dengan jelas dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah”, namun sudah pasti telah dilakukan oleh binatang-binatang tersebut. Buktinya dari kenyataan dalam cerita tersebut yang berbunyi: “Apabila Raja Gergasi dan rakyatnya datang, mereka sangat hairan melihat persiapan binatang di hutan itu” (Othman & Ariffin, 2007: 229). Daripada pernyataan ini semua binatang telah melakukan persiapan dan kawalan yang rapi agar segala perancangan berjalan dengan lancar dan jayanya. Keadaan ini menepati dengan definisi kawalan yang dikemukakan oleh Jaafar, iaitu kawalan sebagai proses untuk menentukan atau menjamin supaya kegiatan organisasi terarah kepada pencapaian matlamat yang telah ditetapkan (1999:213).

Kejayaan organisasi Gajah Betina dan binatang-binatang di hutan itu mencapai matlamat organisasi, iaitu membunuh Raja Gergasi dan beberapa gergasi yang lain. Kejayaan ini kerana pengurusan yang cekap dan berkesan.

HIKAYAT PELANDUK JENAKA (SYEIKH ALAM BERLAWAN DENGAN RAKSASA)

Cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)*, teks asalnya merupakan buku suntingan Ahmad Murad Nasaruddin yang bertajuk *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Singapura: Malaya Publishing House Limited, 1955). Cerita ini mengisahkan tujuh ekor binatang di hutan, iaitu

badak, kerbau, seladang, rusa, kijang, siamang dan ungka yang bersahabat baik pergi menangkap ikan di Sungai Tinam. Malangnya, hasil tangkapan ikan semua binatang itu dicuri oleh raksasa. Semua binatang itu amat kecewa lalu berpakat mengadakan hal tersebut kepada seekor pelanduk yang cerdik, iaitu Tuan Syeikh Alam di-Rimba. Masalah kesemua binatang itu didengari, diberikan perhatian dan diambil tindakan oleh Tuan Syeikh Alam di-Rimba. Tuan Syeikh Alam di-Rimba pun bersetuju untuk menyelesaikan masalah itu dengan bertindak untuk membunuh raksasa itu. Dengan perancangan yang rapi oleh Tuan Syeikh Alam di-Rimba dan dengan kerjasama semua binatang, akhirnya raksaksa itu dapat dibunuh.

Seperti dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah”, dalam cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)* juga semua binatang di hutan tersebut, iaitu badak, kerbau, seladang, rusa, kijang, siamang dan ungka termasuk pelanduk itu menepati definisi sebuah organisasi yang dikemukakan oleh Jaafar dalam bukunya *Asas Pengurusan* (1999: 62). Organisasi bermaksud gabungan dua orang atau lebih yang bekerja bersama-sama secara berkoordinasi bagi mencapai sesuatu hasil atau objektif. Dalam cerita ini kesemua binatang bekerjasama untuk membunuh raksasa. Akhirnya raksasa itu dapat dibunuh. Watak-watak binatang dalam cerita itu juga sebagai perlambangan kepada watak-watak manusia.

Prinsip Perancangan

Dalam cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)* matlamat Tuan Syeikh Alam di-Rimba dan kesemua binatang itu adalah untuk membunuh raksasa yang mencuri hasil tangkapan ikan binatang-binatang itu. Untuk mencapai matlamat organisasi, maka Tuan Syeikh Alam di-Rimba dan binatang-binatang yang lain telah membuat perancangan. Menurut Dessler “perancangan sebagai kaedah-kaedah yang terperinci yang diatur terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu atau melaksanakan sesuatu tindakan.” Sikula pula menyatakan “perancangan mengandungi aktiviti fizikal dan mental yang dibuat sebelum berlakunya sesuatu.” Selanjutnya Koontz menyatakan “perancangan sebagai penentuan tentang apa yang hendak dibuat, bagaimana melaksanakannya dan siapa yang akan menjadi pelaksana” (Jaafar, 1999:39). Hal ini bermakna bahawa perancangan merupakan aktiviti asas yang berbentuk fizikal dan mental yang mesti dilakukan terlebih dahulu bagi menjayakan sesuatu matlamat itu.

Langkah pertama dalam perancangan ialah menetapkan matlamat. Matlamat organisasi itu ialah membunuh raksasa yang mencuri hasil tangkapan



Rajah 5 Perancangan Tuan Syeikh Alam di-Rimba.


ikan binatang-binatang itu. Langkah berikutnya merangka strategi. Tuan Syeikh Alam di-Rimba meminta semua binatang tersebut mencari rotan untuk dibuatnya simpai. Selepas itu, Tuan Syeikh Alam di-Rimba meminta semua binatang itu pergi menangkap ikan. Setelah banyak ikan ditangkap, Tuan Syeikh Alam di-Rimba meminta semua binatang itu bersembunyi jauh-jauh dan kembali berkumpul di tempat Tuan Syeikh Alam di-Rimba apabila Tuan Syeikh Alam di-Rimba itu bertempik memanggil kesemua binatang. Setelah itu, Tuan Syeikh Alam di-Rimba akan menghidupkan api untuk membakar ikan-ikan yang ditangkap itu dengan tujuan untuk menarik perhatian raksasa. Apabila raksasa itu datang, sebelum raksasa itu mengambil ikan, Tuan Syeikh Alam di-Rimba akan menyuruh raksasa itu masuk ke dalam simpai untuk mengubati sakit tubuh raksasa itu. Setelah raksasa itu memasukkan badannya ke dalam simpai itu, Tuan Syeikh Alam di-Rimba pun mencakar mata raksasa itu sehingga pecah. Kemudian, Tuan Syeikh Alam di-Rimba akan bertempik memanggil kesemua binatang yang bersembunyi itu. Apabila semua binatang sampai di tempat Tuan Syeikh Alam di-Rimba itu dan raksasa itu terperangkap dalam simpai, semua binatang itu bertindak membunuh raksasa itu. Itulah strategi yang difikirkan oleh Tuan Syeikh Alam di-Rimba dan binatang-binatang lain untuk membunuh Raja Gergasi. Perancangan Tuan Syeikh Alam di-Rimba dan binatang-binatang seperti Rajah 5.

Ternyata bahawa organisasi itu mencapai matlamatnya apabila berjaya membunuh raksasa. Kejayaan organisasi itu mencapai matlamatnya kerana adanya perancangan yang rapi dengan strategi yang tersusun teratur. Kejayaan organisasi itu mencapai matlamatnya apabila adanya kerjasama daripada semua ahli, iaitu semua bintang di hutan itu.

Prinsip Pengorganisasian

Dalam cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa) juga terdapatnya pengorganisasian. Menurut Jaafar, pengorganisasian sebagai penyusunan sumber-sumber organisasi tersebut dalam bentuk kesatuan dengan cara yang berkesan agar matlamat dan objektif yang dirancang dapat dicapai. Pengorganisasian menentukan cara mana matlamat tersebut akan dicapai dan menetapkan peranan dan tugas yang mesti dijalankan oleh tiap-tiap pekerja dan staf organisasi serta hubungannya antara satu dengan lain. (Jaafar, 1999:62). Tuan Syeikh Alam di-Rimba sebagai ketua telah menetapkan tugas untuk mencapai matlamat organisasi, iaitu membunuh raksasa. Penetapan tugas kepada tujuh ekor binatang di hutan, iaitu badak, kerbau, seladang, rusa, kijang, siamang dan ungka itu adalah untuk mengambil rotan dan menangkap ikan. Walau bagaimanapun, dalam cerita ini Tuan Syeikh Alam di-Rimba tidak membuat pengkhususan kerja. Sebaliknya semua binatang itu bersama-sama melakukan kerja mengambil rotan dan menangkap ikan. Struktur organisasi itu seperti Rajah 6.

CARTA ORGANISASI BINATANG MELAWAN RAKSASA



Rajah 6 Pengorganisasian Tuan Syeikh Alam di-Rimba.

Sungguhpun tiada pengkhususan kerja dalam organisasi Tuan Syeikh Alam di-Rimba, namun kerja-kerja yang diamanahkan dapat dilaksanakan oleh semua binatang itu dengan jayanya. Kejayaannya terbukti apabila organisasi itu mencapai matlamatnya, iaitu membunuh raksasa.

Prinsip Kepimpinan

Dalam cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)*, kejayaan organisasi ini mencapai matlamatnya, iaitu membunuh raksasa juga disebabkan kepimpinan Tuan Syeikh Alam di-Rimba. Menurut Jaafar kepimpinan dapat didefinisikan sebagai seni atau proses mengetuai dan mempengaruhi kegiatan manusia yang berkaitan dengan tugas mereka, supaya mereka rela bergiat dan berusaha ke arah matlamat organisasi. (Jaafar, 1999:197).

Tuan Syeikh Alam di-Rimba merupakan pemimpin yang berkesan kerana bukan sahaja berjaya mengetuai sebuah organisasi bahkan juga berjaya mempengaruhi ahlinya supaya rela bekerjasama untuk mencapai matlamat organisasi, iaitu membunuh raksasa. Tujuh ekor binatang di hutan, iaitu badak, kerbau, seladang, rusa, kijang, siamang dan ungka itu bersama-sama mengambil rotan dan menangkap ikan seperti yang diarahkan oleh Tuan Syeikh Alam di-Rimba. Walau bagaimanapun, dalam cerita ini Tuan Syeikh Alam di-Rimba tidak membuat pengkhususan kerja. Sebaliknya semua binatang itu bersama-sama melakukan kerja mengambil rotan dan menangkap ikan.

Ciri-ciri kepimpinan baik yang ada pada Tuan Syeikh Alam di-Rimba, iaitu pertama, dipercayai. Menurut Rahim Abdullah dipercayai bermaksud kebolehpercayaan dan menunjukkan keterampilan dalam melaksanakan kerja. Kepercayaan ini boleh menambahkan kerjasama yang tidak berbelah bagi (Rahim, 1998:89). Tujuh ekor binatang, iaitu badak, kerbau, seladang, rusa, kijang, siamang dan ungka yang hasil tangkapan ikan mereka dicuri oleh raksasa, percaya bahawa masalah mereka dapat diselesaikan oleh Tuan Syeikh Alam di-Rimba. Masalah semua binatang itu diadukan kepada Tuan Syeikh Alam di-Rimba yang bersetuju untuk menyelesaikan masalah mereka dengan bertindak untuk membunuh raksasa itu.

Tuan Sheikh Alam di Rimba mendengar masalah yang dihadapi oleh binatang-binatang di hutan apabila mereka datang mengadu tentang ikan-ikan yang mereka tangkap dimakan oleh raksaksa (*Permata Sastera Melayu*, 2012:83):

“Ya tuanku Tuan Syeikh Alam di-Rimba, ada pun maksud patik datang ini hendak mengadu bahawa hamba sekalian telah dianiayai oleh raksasa yang menunggui Sungai Tinam itu. Pada suatu hari hamba sekalian pergi mengambil ikan tetapi semuanya telah dirampas oleh raksasa itu.”
Titah Tuan Syeikh Alam di-Rimba, “Hai saudaraku sekalian, jika demikian hambalah akan melawan raksasa itu.”

Petikan ini menunjukkan bahawa Tuan Syeikh Alam di-Rimba dipercayai oleh binatang-bintang tersebut. Malah semua binatang itu bekerjasama dengan Tuan Syeikh Alam di-Rimba tanpa sebarang bantahan. untuk memerangkap raksasa.

Ciri pemimpin kedua yang ada pada Tuan Syeikh Alam di-Rimba ialah yakin dalam pelaksanaan sesuatu kerja. Menurut Rahim (1998:89) perkara itu penting kerana setiap sesuatu kerja yang bakal dilakukan mestilah diyakini pemimpin barulah perkara itu dapat meyakinkan pekerjanya. Tuan Syeikh Alam di-Rimba yakin dengan strateginya untuk membunuh raksasa. Beliau yakin memerangkap raksasa dengan membakar ikan, bertujuan untuk menarik perhatian raksasa. Apabila raksasa datang untuk mengambil ikan, beliau menipu raksasa agar masuk ke dalam simpai yang dikatakan untuk mengubati badan raksasa yang sakit. Ciri pemimpin ketiga yang ada Tuan Syeikh Alam di-Rimba ialah berpengetahuan. Menurut Rahim Abdullah (1998:90), berpengetahuan bermaksud daripada pengetahuanlah himpunan ilmu akan terikat untuk dipindahkan kepada pekerja-pekerja. Daripada tugas-tugas yang diberikan oleh Tuan Syeikh Alam di-Rimba kepada binatang-binatang itu menunjukkan Tuan Syeikh Alam di-Rimba berpengetahuan. Tuan Syeikh Alam di-Rimba tahu cara untuk memerangkap raksasa. Malah Tuan Syeikh Alam di-Rimba juga tahu cara untuk membuat simpai.

Kebijaksanaan Tuan Sheikh Alam di Rimba terserlah apabila Tuan Sheikh Alam di Rimba mengemukakan cara untuk membunuh raksasa dengan membuat simpai daripada rotan:

Jawab Tuan Syeikh Alam di-Rimba, “Tidaklah baik tuan hamba makan ikan itu jika belum lagi tuan hamba berubat.”

Maka berkenan pada hati raksasa itu mendengarnya. Kata Tuan Syeikh Alam di-Rimba lagi, “Marilah tuan hamba, cuba-cuba dahulu, tetapi jangan tuan hamba putuskan simpai ini kalau-kalau rosak ubat hamba.”
Maka kata raksasa itu, “Tiadalah aku melalui barang katamu; baiklah, engkau masukkanlah sendiri.”

Maka Tuan Syeikh Alam di-Rimba pun memasukkanlah simpai itu pada siku dan lutut gergasi itu. Setelah sudah, dimasukkannya sekali lagi segala simpai itu, sehingga tiadalah dapat raksasa itu bergerak lagi oleh sangat sesaknya itu. (*Permata Sastera Melayu*, 2012:85).

Ciri pemimpin keempat yang ada pada Tuan Syeikh Alam di-Rimba ialah bertanggung. Menurut Rahim (1998:90) bertanggung, iaitu terkehadapan dalam melihat sesuatu yang bakal ditempuhi. Pemimpin yang bijak dapat mengagak secara tepat sesuatu kejadian yang berlaku. Tuan Syeikh Alam di-Rimba mempunyai tanggapan terkehadapan terhadap strategi yang dibentuk sehinggakan strategi menipu, memerangkap dan membunuh raksasa dapat dilakukan tanpa sebarang masalah yang timbul. Kelima, ciri pemimpin baik yang ada pada Tuan Syeikh Alam di-Rimba ialah imaginasi. Menurut Rahim (1998:91), daya imaginasi yang berkait rapat dengan kreativiti seseorang pemimpin. Keupayaan sebegini dapat membantu pemimpin untuk melihat masa hadapan dengan lebih tepat lagi. Organisasi mempunyai wawasan dan memahami jangkaan serta aspirasi yang diinginkan. Dalam hal ini Tuan Syeikh Alam di-Rimba dapat dikaitkan dengan pemimpin yang pandai mengatur strategi. Tuan Sheikh Alam di Rimba mengarahkan binatang-binatang pergi menyembunyikan diri dan Tuan Sheikh Alam di Rimba membakar ikan untuk mengumpukan raksaksa. Setelah raksaksa datang, Tuan Sheikh Alam di Rimba menipu raksaksa tentang ubat yang dibuatnya dengan cara memasukkan simpai pada siku dan lutut raksaksa. Kemudian Tuan Sheikh Alam di Rimba memanggil semua bintang untuk membunuh raksaksa (*Permata Sastera Melayu*, 2012:85-87). Dengan strategi yang rapi dan teratur, akhirnya raksaksa dapat dibunuh.

Dalam pada itu Tuan Sheikh Alam di Rimba merupakan pemimpin bertanggung. Menurut Rahim Abdullah (1998:90) bertanggung bermaksud terkehadapan dalam melihat sesuatu yang bakal ditempuhinya. Pemimpin yang bijak akan dapat mengagak secara tepat sesuatu kejadian yang akan berlaku.

Tuan Sheikh Alam di Rimba pemimpin yang berpandangan jauh dengan meminta semua binatang-binatang di hutan bermuafakat, jangan aniaya menganiaya, hasad dengki dan membuat fitnah: “Hai tuan-tuan sekalian, muafakatlh tuan-tuan; jangan aniaya menganiaya antara suatu dengan lain dan janganlah elat dan dengki dan janganlah berbuat fitnah kerana di dalam firasatku akan datang bala dan huru hara menimpai tuan-tuan.” (*Permata Sastera Melayu*, 2012:72).

Kejayaan organisasi Tuan Sheikh Alam di Rimba dan semua binatang mencapai matlamat organisasi, iaitu membunuh raksaksa ialah kerana

pengurusan yang berkesan berdasarkan prinsip perancangan, pengorganisasian dan kepimpinan.

PERBANDINGAN DAN PERBINCANGAN

Secara perbandingannya, pengurusan organisasi dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah” lebih tersusun dan teratur jika dibandingkan dengan organisasi dalam cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)*. Dalam prinsip perancangan, strategi yang dilakukan oleh organisasi dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah” untuk memerangkap dan membunuh Raja Gergasi dan beberapa gergasi yang lain lebih rasional dan logik jika dibandingkan dengan organisasi dalam cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)*. Hal ini diperlihatkan dengan tindakan ahli organisasi bekerjasama menggali lubang yang besar dan kemudian menimbunkan lubang itu dengan lumut hijau agar lubang itu tidak kelihatan oleh Raja Gergasi dan gergasi-gergasi yang lain. Apabila Raja Gergasi dan beberapa gergasi masuk ke dalam lubang itu, kemudiannya ahli organisasi menutup lubang itu dengan batu-batu besar. Sedangkan organisasi dalam cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)* bertindak dengan tidak logik. Adalah tidak logik Syeikh Alam di Rimba meminta Raksasa memasukkan badannya ke dalam simpai yang dibuat oleh Syeikh Alam di Rimba. Selanjutnya dalam prinsip pengorganisasian, dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah” adanya pengkhususan kerja kepada binatang-binatang itu, iaitu ada binatang bertanggungjawab menggali parit yang dalam, ada binatang bertanggungjawab mengumpulkan batu-batu besar, ada binatang bertanggungjawab mengumpulkan lumut dan ada binatang bertanggungjawab menanam pokok sungkai dan kemunting. Sedangkan dalam cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)* tidak adanya pengkhususan kerja. Semua binatang membuat kerja yang sama, iaitu mengambil rotan dan menangkap ikan.

Dalam prinsip penstafan pula kedua-dua cerita itu tidak menyatakan dengan jelas, namun dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah” terlihat secara implisit pembahagian tugas berdasarkan kekuatan, kepakaran dan kebolehan masing-masing binatang. Hal ini tidak digambarkan dalam cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)* kerana kesemua binatang membuat kerja yang sama, iaitu mencari rotan dan menangkap ikan. Prinsip kawalan dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah” ada dilakukan, sungguhpun tidak dinyatakan dengan jelas. Hal ini dapat dibuktikan daripada kenyataan dalam cerita tersebut: “Apabila

Raja Gergasi dan rakyatnya datang, mereka sangat hairan melihat persiapan binatang di hutan itu” (Othman & Ariffin, 2007:229). Sedangkan dalam cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)* tidak dilakukan kerana tidak ada kenyataan dalam cerita yang menunjukkan organisasi itu melakukan kawalan.

Selanjutnya pengurusan organisasi dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah” memenuhi kelima-lima prinsip, iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan. Sedangkan pengurusan dalam organisasi cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)* hanya memenuhi tiga prinsip sahaja, iaitu perancangan, pengorganisasian dan kepimpinan.

Walau apa-apapun, matlamat kedua-dua organisasi itu tercapai. Dalam cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah”, organisasi tersebut berjaya membunuh Raja Gergasi dan beberapa gergasi yang lain, manakala dalam cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)*, organisasi tersebut berjaya membunuh raksasa. Hal ini bermakna kedua-dua organisasi tersebut dari segi pengurusan telah berjaya mencapai matlamatnya.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis didapati ilmu pengurusan dapat dipelajari dan diteladani daripada kedua-dua cerita “Gergasi Berperang dengan Gajah” dan *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)* binatang tersebut. Kajian ini memperlihatkan bahawa ilmu pengurusan sudah ada dalam masyarakat Melayu tradisi dan terakam dalam sastera rakyatnya. Buktinya, kewujudan pendekatan pengurusan dalam kedua-dua cerita binatang “Gergasi Berperang dengan Gajah” dan *Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)*. Sungguhpun konsep pengurusan moden tidak dikenali oleh masyarakat Melayu tradisi dengan nama modennya, namun masyarakat Melayu tradisi sudah mengenali dan mengetahui pengurusan sesebuah organisasi serta cara sesebuah organisasi itu mencapai matlamatnya.

RUJUKAN

- Ahmad Amran (2002). “Pengurusan”. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Pengurusan yang diadakan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 28 Disember.
- Ahmad Murad Nasaruddin (Ed.). (1955). *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Malaya Publishing House Limited.

- Jaafar Muhamad (1999). *Asas pengurusan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Juhary Haji Ali & Ishak Ismail. (2004). *Prinsip dan amalan pengurusan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Johari (2004). *Bukit kepong*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas (2003). *Saudagar besar dari Kuala Lumpur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koontz, Harold dan Weirich, Heinz (1997). *Pengurusan*. Diterjemah Mohd. Salmi Mohd. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. H. Abrams (1971). *A glossary of literary terms*. Holt, Rinehart and Winston.
- Menson, Michael H., Albert, Michael & Khedouri, Franklin (1985). *Management: individual and organisational effectiveness*. Harper and Row.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2003). *Mutiara sastera Melayu moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2012). *Permata Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. "Pendekatan pengurusan dalam kritikan kesusasteraan". Syarahan Perdana di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 4 Ogos 2016.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2020). "Kegagalan pengurusan dalam Hari-hari terakhir di Jesselton". *Dewan Sastera*, Bil. 2, hlm. 9 – 15.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2021), Ucaputama: "Relevansi pendekatan pengurusan dalam menganalisis karya sastera." International Conference on Linguistics and Culture 2, Makasar, Indonesia pada 4 November.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan, Mohamed Zuber Ismail & Sara Beden. (2015). *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* dari Perspektif Pendekatan Pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26, 95-116.
- Othman Puteh & Ariffin Said (peny.) (2007). *Himpunan 366 cerita rakyat Malaysia*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rahim Abdullah (1998). *Asas pengurusan*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sara Beden. (2018). Perancangan bestari dalam Hikayat Khoja Maimun: Aplikasi prinsip perancangan dalam pendekatan pengurusan. *Malay Literature*, 31(1), 69-97.
- Saravanan P. Veeramuthu. (2019). Kepimpinan dalam novel *Perang Sangkil*: Satu bacaan pendekatan pengurusan. *Asian People Journal*, 2(1), 169-182.
- Tenas Effendy (2000). *Pemimpin dalam ungkapan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zafir Mohamed Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun. (2007). Amalan pengambilan dan pemilihan pekerja: Tinjauan ke atas firma. *International Journal of Management Studies*, 14(2), 143-162.